

Kerusi Parlimen Seri Gading

BN mungkin calonkan Mustafa Mohamad

KUALA LUMPUR, Selasa.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kemungkinan besar Barisan Nasional akan mencalonkan bekas Setiausaha Politik Tun Hussein Onn, Encik Mustafa Mohamad sebagai calon kawasan Parlimen Seri Gading.

Encik Mustafa ialah Ketua Bahagian UMNO Seri Gading dan telah menjadi Setiausaha Politik kepada bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn sejak lapan tahun lalu.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, keputusan muktamad akan ditentukan sebelum penamaan calon nanti.

Berita Harian difahamkan, penamaan calon akan diadakan pada 24 Ogos ini dan pengundian akan diadakan pada 10 September iaitu hari Khamis — di Johor hari tersebut pejabat di buka separuh hari.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Encik Abdul Rashid bin Abdul Rahman berkata, pihaknya akan bermesyuarat esok untuk memutuskan tarikh penamaan calon dan pengundian kawasan Parlimen Seri Gading dan juga kerusi Dewan Undangan Negeri Ulu Muar.

Menurutnya, pihaknya telah menerima surat dari Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail perletakan jawatan Tun Hussein sebagai Ahli Parlimen Seri Gading, Johor.

"Speaker Dewan Rakyat telah menerima perletakan jawatan Tun Hussein dan meminta Suruhanjaya mengadakan pilihanraya kecil secepat mungkin," katanya.

Encik Rashid menyatakan, bekas Perdana Menteri memberi alasan kesihatan sebagai sebab perletakan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Seri Gading.

Manakala kawasan Ulu Muar pula, Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sembilan telah menulis kepada Suruhanjaya mengenai kekosongan tersebut disebabkan kematian Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, Datuk Abdul Kadir Abdullah.

Datuk Kadir meninggal dunia di Kangar disebabkan serangan sakit jantung ketika menghadiri mesyuarat Persidangan Speaker di Kangar Ahad lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia